

**KADOKAWA GEMPAK STARZ SDN BHD (576629-K)**

(Formerly known as Gema Unggul Resources Sdn Bhd)

17&19, Jalan 8/146, Bandar Tasik Selatan, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia.

T (+6) 03-9056 1637 F (+6) 03-9056 1634 F (+6) 03-9056 1440 (Account Dept)

P. O. Box 7108, Sungai Besi, 57700 Kuala Lumpur, Malaysia. www.gempakstarz.com • www.learn-more.me**SIARAN MEDIA****PERASMIAN PAMERAN ULANG TAHUN KE-15
KOMIK LAWAK KAMPUS****DI BALAI SENI NEGARA KUALA LUMPUR**

Kuala Lumpur, 12 Julai 2018, 11:00 pagi – Bersempena dengan 15 tahun kelahiran komik strip komedi LAWAK KAMPUS karya artis komik Keith, sebuah pameran diadakan bertempat di Balai Seni Negara Kuala Lumpur. Pameran yang bermula pada 9 hingga 25 Julai 2018 (10:00 pagi hingga 6:00 petang) ini merupakan satu interpretasi penghargaan daripada Keith buat kipas-susah-mati yang tidak jemu memberi sokongan sejak 2003 hingga sekarang. Pameran ini adalah kali kedua selepas sambutan ulang tahun ke-10 LAWAK KAMPUS pada 2013.

Bertemakan Lawak Tanpa Henti, pengunjung berpeluang melihat lapan karya agung diinspirasi daripada lukisan pelukis terkenal dunia. Lebih 100 buah lakaran asal LAWAK KAMPUS menghiasi dinding pameran di mana pengunjung dapat melihat lebih dekat bagaimana bentuk lakaran asal sebelum diterbitkan menjadi komik. Hampir kesemua lukisan serta lakaran ini dibuka untuk jualan dan harga bermula dari RM200.

Pengunjung juga dapat menyaksikan diorama kelas LAWAK KAMPUS 3D yang buat pertama kalinya didedahkan buat peminat, sudut meja kerja Keith, tayangan istimewa, Gerai LK yang mengandungi pelbagai barang terhad, komik dan *standee* karakter Vanness, Froggy, Xena, Aditas serta Bepop untuk para pengunjung mengambil gambar kenangan. Turut dijual adalah *artbook* edisi terhad buat peminat berharga RM20 eksklusif untuk pameran ini.

Tentang LAWAK KAMPUS

LAWAK KAMPUS bermula pada 2003 hasil karya artis komik popular, Keith. Naskhah ini berkisar tentang telatah mencuit hati pelbagai karakter yang berlaku sekeliling anda. LAWAK KAMPUS mempunyai purata pembaca sekitar 150,000 bagi setiap jilid malah terus menunjukkan peningkatan luar biasa. Karakter seperti Vanness, Froggy, Aditas dan Bepop sangat dikenali dengan kerensah yang pasti buat anda pecah perut.

Sehingga kini, LAWAK KAMPUS mempunyai 32 jilid komik dalam bahasa Melayu yang turut diterbitkan dalam bahasa Cina. LAWAK KAMPUS juga berkolaborasi dengan kedai buku POPULAR bagi menerbitkan 'Lawak Kampus Kompilasi Mantap' pada 2011 yang telah terjual lebih daripada 100,000 naskhah. Dengan kejayaan ini, penerbitan kompilasi ini diteruskan dengan 'Lawak Kampus Kompilasi Mantap 2' pada 2014 dan 'Lawak Kampus Kompilasi Mantap 3' pada 2017 masing-masing dengan jualan memberangsangkan.



KADOKAWA GEMPAK STARZ SDN BHD (576629-K)

(Formerly known as Giga Unggul Resources Sdn Bhd)

17&19, Jalan 8/146, Bandar Tasik Selatan, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia.

T (+6) 03-9056 1637 F (+6) 03-9056 1634 F (+6) 03-9056 1440 (Account Dept)

P. O. Box 7108, Sungai Besi, 57700 Kuala Lumpur, Malaysia. www.gempakstarz.com • www.learn-more.me

Daya tarikan LAWAK KAMPUS dikembangkan ke pasaran rantau Asia dengan penjualan hak cipta di China, Indonesia dan Thailand sekali gus mencetuskan fenomena dan meraih peminat luar negara tersendiri. Tahun ini, LAWAK KAMPUS menyambut ulang tahun ke-15 yang menyajikan pelbagai acara menarik buat kipas-susah-mati.

Profil Keith

Keith dilahirkan pada 16 Disember di Kuala Lumpur merupakan artis komik yang bertanggungjawab dalam mengorak kejayaan komik LAWAK KAMPUS. Memulakan langkah ke dunia komik pada 1994 apabila beliau menuntut dalam bidang reka bentuk grafik di InHouse Multimedia College. Keith meneruskan pengajian dalam bidang animasi 2D di Limkokwing University of Creative Technology dan seterusnya dalam bidang animasi 3D di Sheridan College, Kanada.

Menyertai Art Square Group (kini dikenali sebagai Kadokawa Gempak Starz) pada 2003 sebagai pembantu sebelum diangkat menjadi artis komik pada tahun berikutnya. Meletakkan namanya sebaris dengan artis komik terbaik di Asia Tenggara.

Senarai pencapaian:

- 2005: Menang Best Multi Frame Comic Strip Finalist di 2nd Oriental Animation & Comic Competition (OACC)
- 2007: Menang Best Overseas Comic di 3rd Oriental Animation & Comic Competition (OACC)
- 2008: Menang Shorei Award di Japan 1st International MANGA Award
- 2009: Menang Most Popular Comic di 1st Malaysian Mandarin Comic Society Awards
- 2011: Menang Best 4-Panel Comic Strip di 2nd Malaysian Mandarin Comic Society Awards
- 2012: Menang Golden Monkey King Award untuk Best Foreign Comic di 8th China International Cartoon & Animation Festival (CICAF)
- 2014: Menang Gold Award untuk Best Comic Storyboard di 11th Oriental Animation & Comic Competition (OACC)
- 2015: Menang Best 4-Panel Comic Strip untuk Asian Youth Animation & Comics Contest di Asian-Pacific Animation & Comics Association (APACA)
- 2017: Menang Outstanding Comic Artist di China-Asean Top Business Award

Tentang Kadokawa Gempak Starz Sdn Bhd

Art Square Group ditubuhkan pada 1994 dan pada 2013, syarikat ini berjaya menerbitkan lebih 250 judul dari pelbagai genre karya artis komik tempatan dan artis antarabangsa terkenal. Pada November 2015, syarikat ini bergabung dengan Kadokawa Corporation, sebuah syarikat penerbitan terkemuka Jepun dan menamakannya Kadokawa Gempak Starz Sdn Bhd.

**KADOKAWA GEMPAK STARZ SDN BHD** (576629-K)

(Formerly known as Geda Unggul Resources Sdn Bhd)

17&19, Jalan 8/146, Bandar Tasik Selatan, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia.

T (+6) 03-9056 1637 **F** (+6) 03-9056 1634 **F** (+6) 03-9056 1440 (Account Dept)P. O. Box 7108, Sungai Besi, 57700 Kuala Lumpur, Malaysia. www.gempakstarz.com • www.learn-more.me

Walaupun masih baru, syarikat ini bersedia mengambil langkah seterusnya - daripada menjadi penerbit komik terbesar kepada salah satu pelopor kandungan kreatif paling prolifik di dunia. Berbekalkan pengalaman Kadokawa Corporation selama 70 tahun yang mahir dalam meluaskan nama, Kadokawa Gempak Starz kini berkembang menjadi syarikat media berpengaruh dengan portfolio berbeza, termasuklah animasi, permainan, kandungan digital dan kandungan multimedia lain sebagai tambahan kepada penghasilan komik, novel ringan dan majalah sedia ada.

Untuk info lanjut, sila hubungi:

Nur Edayu Musa	edayumusa@gempakstarz.com	03-90561637 ext 226
Usman Hamzah	usman@gempakstarz.com	03-90561637 ext 231